

BAB 6

KEMERDEKAAN DAN PEMBINAAN NEGARA, 1984-1986

6.1 Pengenalan

Menjelang 1 Januari 1984, menandakan bermulanya era baru dalam sejarah perkembangan politik Brunei. Brunei mula mengambil alih semula semua tanggungjawab di peringkat antarabangsa menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat setelah sembilan puluh lima tahun menjadi negara naungan British. Sultan Hassanal Bolkiah telah berjaya merealisasikan usaha ayahanda baginda Haji Omar Ali Saifuddien III (1950-1967) untuk mengekalkan pemerintahan beraja. Sistem pemerintahan yang dianggap lemah dan mudah rapuh, tidak sesuai dengan perkembangan politik moden kerana bertentangan dengan kehendak rakyat dan tidak sesuai dengan tuntutan masa kerana sistem ini tidak dapat melindungi kedaulatan rakyat.

Walaupun usaha untuk merealisasikan sistem ini mendapat halangan dan kecemasan di kalangan masyarakat serantau dan antarabangsa tetapi dengan sokongan padu di kalangan rakyat Brunei dankekayaan yang diperolehi dari sumber bumi iaitu minyak dan gas sistem ini dapat dikekalkan. Sultan Hassanal Bolkiah mempunyai keyakinan untuk membuktikan sistem ini masih boleh diterima di kalangan negara serantau dan antarabangsa dalam mempertahankan kedaulatan, maruah dan identiti

Brunei. Jika sistem tradisi ini dilaksanakan dengan betul baginda percaya sistem pemerintahan beraja masih boleh bersaing dengan sistem politik modern.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Sultan Hassanal Bolkiah selaku ketua negara dan kerajaan untuk mempertahankan kedaulatan, maruah dan identiti Brunei? Dapatkan sistem yang menjadi warisan sejak abad ke-14 memelihara dan mengekalkan identiti Brunei sebagai sebuah negara kesultanan yang merdeka? Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengekalkan dan memelihara sistem pemerintahan beraja ini sebagai sistem yang dapat diterima oleh masyarakat antarabangsa? Persoalan inilah yang akan dibincangkan dan merupakan intipati dalam bab ini.

6.2 Brunei Sebagai Negara Melayu Beraja Yang Moden

Memang agak sukar untuk menerima hakikat terhadap keupayaan sistem pemerintahan tradisional menjadi sebuah sistem yang kukuh dan dapat menjamin kedaulatan, maruah dan identiti sesuatu bangsa mahu pun negara di zaman moden ini. Kerana, pemerintahan sistem tradisi dikatakan mudah rapuh serta bertentangan dengan kehendak antarabangsa dan juga tidak selaras dengan sistem politik moden. Isu utama yang menjadi alasan terhadap kelemahan ke atas sistem pemerintahan tradisi ialah soal kuasa dan hak kedaulatan rakyat. Dalam sistem pemerintahan tradisi, kuasa menjadi hak mutlak raja dan rakyat tidak boleh mempersoalkan setiap keputusan yang dibuat oleh raja sama ada baik untuk rakyat atau sebaliknya. Persoalan inilah yang menyebabkan sistem ini terus mendapat kecaman bukan saja di kalangan masyarakat

antarabangsa juga rakyat di negara-negara yang pernah mengamalkannya sebelum era penjajahan. Akibatnya, sistem ini hampir pupus.

Keadaan ini sangat berbeza dengan yang berlaku di Brunei. Sistem pemerintahan tradisi yang diwarisi sejak abad ke-14 terus dipertahankan dan dipraktikkan walaupun mendapat kecaman dan tekanan di kalangan masyarakat antarabangsa.¹ Ketahanan dan kekuahan sistem pemerintahan tradisi yang diamalkan sekarang ini dikatakan adanya sokongan dan jaminan perlindungan yang diberikan oleh kerajaan British berdasarkan kepada artikel I dalam perjanjian yang ditandatangani oleh kedua pihak pada 17 September 1888.² Sistem ini diperkuuhkan lagi apabila British menyerahkan kuasa dalam negeri kepada Sultan menerusi sebuah perlumbagaan bertulis pada 1959.

Keputusan kerajaan British untuk menyerahkan semua tanggungjawab sepenuhnya di peringkat antarabangsa kepada Brunei pada akhir 1983 telah menimbulkan berbagai spekulasi terhadap keupayaan Brunei meneruskan sistem pemerintahan beraja yang dianggap sudah lapuk dan ketinggalan zaman. Tanpa perlindungan British, Brunei terpaksa mengubah sistem pemerintahan tradisi kepada sistem pemerintahan demokrasi berparlimen jika Brunei mahu mempertahankan identiti dan kedaulatannya sebagai sebuah negara yang merdeka.

¹ Isu untuk mendesak Brunei mengubah sistem pemerintahan tradisi kepada sistem yang lebih demokratik telah di bincangkan di PBB pada 1975. British didesak supaya memberikan kebebasan kepada rakyat Brunei untuk menentukan masa depan negara itu.

² "Agreement between The Sultan of Brunei with Her Majesty's Government Signed at Brunei on 17 September 1888", Brunei Annual Report, 1946, hal. 80.

Spekulasi ini berpunca dari dua faktor. Pertama, desakan kerajaan British supaya Brunei mengubah dan menyelaraskan sistem politiknya setelah menerima kecaman dari PBB agar dapat diterima oleh masyarakat antarabangsa apabila Brunei mencapai kemerdekaannya.³ Kedua, menyelaras dengan kehendak Persekutuan Bangsa-Bangsa Bersatu yang meluluskan *Resolusi 3424 (XXX)* yang mendapat sokongan seratus sembilan belas buah negara.⁴

Spekulasi ini tidak menjadi kerana Sultan Hassanal Bolkiah tidak mahu mengubah dasar pemerintahan. Baginda mahu meneruskan dan mengekalkan sistem pemerintahan yang berlandaskan kepada sistem tradisi. Sebagai seorang sultan yang diberi kuasa penuh dalam negeri menerusi perlembagaan bertulis pada 1959, baginda menganggap yang baginda lebih mengetahui corak pemerintahan yang sesuai dan kehendak rakyat Brunei. Baginda mempunyai matlamat sendiri untuk memimpin rakyat dan negara Brunei kerana itu baginda menolak sebarang campur tangan luar dalam menentukan corak pemerintahan dan masa depan Brunei.

Baginda juga sudah bersedia dan cukup yakin sistem ini akan dapat memelihara kemerdekaan dengan sempurna dan dapat diterima oleh rakyat Brunei dan masyarakat antarabangsa. Pengalaman Brunei yang pernah menikmati zaman kegemilangannya abad ke-16 hingga 19 boleh dijadikan pengajaran bagaimana sistem tradisi ini boleh berkembang dan mendapat sokongan rakyat untuk mengukuhkan kegemilangan tradisi ini. Bagaimana Brunei mengalami kemerosotan yang membawa kepada kejatuhan boleh juga dijadikan contoh dan pengajaran untuk Brunei

³ Straits Times, 5 September 1968.

memelihara dan mengekalkan identitinya supaya sejarah masa lalu tidak berulang. Atas alasan inilah maka baginda menolak sebarang usaha untuk mewujudkan sebuah pemerintahan yang bertentangan dengan identiti, maruah dan status Brunei. Baginda juga berpendapat bahawa Brunei bukan tanah jajahan British dan mempunyai kerajaan sendiri yang diwarisi sejak zaman berzaman.⁵

Penentuan masa depan politik Brunei menerusi sistem pemerintahan beraja bukanlah sesuatu yang memerlukan, kerana Brunei tidak memberikan kelonggaran dan galakan untuk parti-parti politik bergiat secara aktif.⁶ Persediaan untuk mengadakan pilihan raya seperti yang diamalkan oleh negara-negara yang telah merdeka tidak dibuat dan juga tidak ada tuntutan dari rakyat Brunei mahukan sebuah pemerintahan demokrasi diperkenalkan. Ini menunjukkan rakyat Brunei menyokong sistem yang sedia ada kerana kerajaan yang dipimpin oleh Sultan Hassanal Bolkiah berjaya melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin kerajaan dengan memberikan keutamaan kepada pembangunan rakyat dalam meningkatkan taraf hidup, mengekalkan kestabilan dan keharmonian.

6.2.1 Kesultanan Melayu Moden

Kemerdekaan yang dicapai oleh Brunei menerusi sistem pemerintahan monarki bergantung kepada kebijaksanaan sultan untuk memimpin dan mengukuhkan institusi tersebut kerana sultan telah diberi kuasa untuk memimpin kerajaan dan rakyat Brunei.

⁴ Berita Minggu, 7 Disember 1975.

⁵ Titah Sultan Hassanal Bolkiah di upacara Pengishtiharan Kemerdekaan pada 31 Disember 1983, lihat Pelita Brunei, 4 Januari 1984.

Dalam sebuah pemerintahan monarki setiap keputusan ditentukan oleh sultan kerana sultan adalah raja mutlak. Kuasa yang diberikan bukanlah dibina melalui peti undi seperti yang diamalkan oleh negara-negara lainnya di wilayah ini setelah merdeka. Ini bermakna sokongan bergantung kepada ketaatsetiaan rakyat.

Walaupun negara Brunei dibina dalam bentuk autokrasi tetapi sultan tidak menggunakan kuasa tersebut sewenang-wenangnya. Baginda memerlukan sokongan rakyat untuk mengekalkan keamanan dalam mengukuhkan institusi ini supaya institusi ini tidak dicabar. Baginda juga sedar sistem ini hanya akan dapat bertahan jika disesuaikan dan diselaraskan dengan sistem moden. Baginda tidak mahu sejarah masa lampau berulang kerana itu baginda terus berusaha untuk memberikan tempat yang utama kepada pembangunan dan pemodenan. Ini jelas seperti yang dititahkan oleh baginda dalam upacara kemasukan Negara Brunei Darussalam ke dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;⁷

We are determined to continue to modernize our country...we are confident of the possibilities of success...

Baginda juga terus mempastikan kesejahteraan rakyat akan terus terjamin. Baginda juga berjanji akan menggunakan kekayaan yang dimiliki oleh Brunei hasil pendapatan sumber minyak untuk kesejahteraan rakyat dengan memberikan pelajaran percuma, subsidi makanan dan minyak, pencen untuk orang-orang tua dan janda,

⁶ D.S. Ranjit Singh, Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival, Singapore: Oxford University Press, 1991 hal. 211.

⁷ Titah ucapan penerimaan kemasukan Negara Brunei Darussalam sebagai anggota ke 159 Persekutuan Bangsa-Bangsa Bersatu oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada 21 September 1984, lihat Pelita Brunei, 26 September 1984.

rawatan kesihatan dan perubatan termasuk perkhidmatan doktor terbang dan bebas dari cukai pendapatan.⁸

Untuk mempastikan sistem ini dapat diterima dengan baik oleh rakyat dan juga antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka, baginda telah memodenkan sistem pentadbirannya dengan memperkenalkan sistem berkementerian. Ini menunjukkan Brunei telah mengadun sistem tradisi dengan moden.

Pembentukan sistem berkementerian dalam pentadbiran Brunei telah dirancangkan lebih awal sebelum Brunei menerima kemerdekaan penuh iaitu ketika baginda merasmikan Persidangan Mesyuarat Negeri Kali Ke-21 pada 21 Disember 1983. Dalam ucapan perasmian tersebut baginda telah bertitah;⁹

...mulai dari 1 Januari 1984, yakni hari kemerdekaan negara Brunei Darussalam, Insya Allah, Beta akan mengadakan satu susunan baharu dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Brunei Darussalam sesuai dengan sebuah negara yang merdeka. Susunan yang baru itu akan mengandungi beberapa kementerian...

Ekoran dari pengumuman tersebut, telah menimbulkan tanda tanya di kalangan rakyat Brunei dan masyarakat antarabangsa kepada perkembangan politik Brunei menjelang kemerdekaannya. Berdasarkan kepada pengumuman tersebut Brunei akan mengamalkan sistem pentadbiran yang diamalkan oleh negara jiran.

⁸ Ibid., hal. 8.

⁹ Pelita Brunei, 28 Disember 1983.

Persoalan ini telah terjawab apabila Sultan Hassanal Bolkiah bertitah semasa perhimpunan dalam pengisytiharan kemerdekaan yang menjelaskan;¹⁰

Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Watala akan selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran agama Islam menurut ahli sunah Wal Jamaah.

Berpandukan kepada titah tersebut, sistem berkementerian yang telah dicadangkan dan telah direalisasikan dalam titah ucapan baginda selepas pengisytiharan kemerdekaan¹¹ menunjukkan Brunei mempunyai kelainan dengan yang diamalkan oleh negara-negara jirannya. Sistem ini berdasarkan kepada konsep Melayu Islam Beraja sebagai satu sistem yang tidak mencontohi negara-negara lain. Lain-lain negara di rantau ini mengamalkan sistem demokrasi ala barat. Baginda beranggapan sistem demokrasi yang berdasarkan kepada sistem berparti politik yang tidak matang dan kurang pendedahan akan merumitkan keadaan untuk mengekalkan kestabilan. Baginda menjelaskan;¹²

I do not believe that time is ripe for election and the revival of the legislature. What I would wish to see first is real evidence of an interest in politics by a responsible majority of the people...

Baginda beranggapan sistem politik bukan menjadi ukuran untuk mengekalkan kestabilan, kemajuan dan pembangunan tetapi tanggungjawab. Pengalaman yang dilalui oleh pengamal-pengamal sistem demokrasi selepas merdeka yang gagal untuk mewujudkan kestabilan politik dan keamanan telah menjadi contoh

¹⁰ Petikan Titah Permasyuhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Percetakan Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam, Brunei, 1984. Lihat juga, Pelita Brunei, 4 Januari 1984.

¹¹ Pelita Brunei, 18 Januari 1984.

tauladan kepada Brunei untuk terus mempertahankan sistem politiknya. Pemberontakan 1962 yang menjadi titik hitam dalam sejarah perkembangan politik Brunei apabila PRB yang di bawah pimpinan A.M. Azahari mahukan supaya sistem pemerintahan demokrasi diwujudkan telah menjadi pengajaran kepada Brunei.¹³

Walaupun pemikiran barat dan pengamal-pengamal sistem demokrasi menganggap demokrasi merupakan sistem politik yang terbaik di mana rakyat memiliki kedaulatan dan setiap saat negara boleh dibetulkan, tetapi ia bergantung kepada pemegang kuasa untuk melaksanakan tanggungjawab. Ini bermakna tanggungjawab merupakan kunci utama ke arah memberikan kebaikan kepada rakyat walau apapun bentuk sistem tersebut.

Baginda sedar pemusatan kuasa tidak akan mencapai matlamatnya mempertahankan sistem monarki dan adalah perlu satu perubahan dalam sistem tersebut supaya dapat disesuaikan dengan sistem pemerintahan moden. Baginda menjelaskan, pemerintahan Brunei walaupun dalam bentuk yang lama tetapi dalam corak yang baru.¹⁴ Dengan perubahan ini baginda mahu membuktikan sistem pemerintahan beraja dapat diterima oleh masyarakat antarabangsa.

¹² Lord Chalfoot, By God's Will, A Potrait of the Sultan of Brunei, London: Weidenfeld and Nicolson, 1988, hal. 188.

¹³ Semasa pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien III, Brunei telah membuat percubaan untuk memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi apabila satu pilihanraya diadakan pada Ogos 1962. Parti Rakyat Brunei telah memenangi keseluruhan kerusi yang dipertandingkan. Oleh kerana parti ini gagal untuk menubuhkan kerajaan mereka telah melancarkan pemberontakan bersenjata pada 8 Disember 1962.

¹⁴ Titah ucapan penerimaan kemasukan Negara Brunei Darussalam sebagai anggota ke 159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 September 1984. Lihat Pelita Brunei, 26 September 1984.

6.2.2 Sistem Berkementerian

Untuk mensesuaikan dengan sistem pemerintahan modern supaya dapat diterima oleh rakyat dan juga negara antarabangsa satu perubahan ke atas struktur politik dan pentadbiran Brunei telah dibuat. Brunei mula memperkenalkan sistem berkementerian. Untuk memenuhi keperluan negara dan kepentingan-kepentingan status baru sebagai sebuah negara yang merdeka beberapa pindaan telah dibuat ke atas Perlembagaan 1959 untuk membolehkan sistem berkementerian dapat dilaksanakan.

Untuk menyelaraskan sistem berkementerian ini, sistem pentadbiran berMenteri Besar telah dimansuhkan dan digantikan jawatan Perdana Menteri. Jawatan Menteri Muda yang dibentuk pada 1965, telah diubah menjadi Timbalan Menteri. Jawatan-jawatan Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negara juga telah dimansuhkan untuk penyesuaian supaya pentadbiran lebih cekap dan berkesan. Sistem pentadbiran menerusi jabatan-jabatan juga turut dimansuhkan dan diserapkan kepada satu-satu kementerian supaya lebih sistematik dan berkesan.

Untuk mengemaskinikan pentadbiran sesuai dengan keperluan negara tujuh buah kementerian telah dibentuk iaitu; Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Undang-Undang, Kementerian Pendidikan dan Kesihatan dan Kementerian Pembangunan. Sistem berkementerian ini diketuai oleh sultan sebagai ketua pemerintahan. Baginda memegang jawatan Perdana Menteri, Menteri

Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Lihat Jadual VII). Baginda telah memilih dan melantik enam orang menteri yang difikirkan layak mengetuai kementerian-kementerian berkenaan. Sebagai seorang sultan dan ketua kerajaan, baginda juga diberi kuasa melantik menteri-menteri dan setiausaha-setiausaha tetap serta pegawai-pegawai kerajaan mengikut budi bicara baginda seperti yang termaktub dalam Perlembagaan 1959;¹⁵

The constitution provide for a Prime Minister who is appointed by and holds office during the pleasure of His Majesty The Sultan and Yang Dipertuan of Brunei Darussalam. The Prime Minister is responsible to his Majesty The Sultan and Yang DiPertuan for the exercsie of the executive authority, His Majesty also appoints other cabinet ministers.

Untuk membantu menteri menjalankan tugas dan tanggungjawab perjalanan pentadbiran, seramai tiga orang setiausaha tetap telah dilantik untuk mengisi di tiga buah kementerian iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Perhubungan. Pertambahan ini disebabkan oleh bebanan dan tanggungjawab kementerian tersebut amat penting dan luas.

¹⁵ Brunei Darussalam 83-84, Jabatan Percetakan Kementerian Undang-Undang, Brunei, 1985, hal. 27.

JADUAL VII

Menteri-Menteri Kabinet Pertama 1984-1986

Perdana Menteri Menteri Kewangan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	Sultan Hassanal Bolkiah
Menteri Pertahanan	Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri	Pengiran Muda Mohamad Bolkiah
Menteri Kebajikan Belia Dan Sukan	Pengiran Muda Jefri Bolkiah
Menteri Undang- Undang	Pengiran Baharin Pengiran bin Haji Abas
Menteri Pendidikan dan Kesihatan	Dato Haji Awang Abd Aziz bin Haji Umar
Menteri Perhubungan	Dato Awang Abdul Rahman Haji Mohd Taib

Sumber: Pelita Brunei, 4 Januari 1984.

Untuk menjamin keutuhan sistem tersebut, baginda telah memilih ayahanda baginda, Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien III dan adinda-adinda baginda iaitu Pengiran Muda Mohamad Bolkiah dan Pengiran Muda Jefri Bolkiah menyertai pentadbiran. Ini bermakna sebahagian dari jawatan menteri telah dipegang oleh kerabat-kerabat diraja. Sistem ini jelas telah menggabungkan diantara dua sistem iaitu sistem tradisional dan sistem politik moden.

Pengabungan ini, memang sukar untuk difahami dimana letaknya struktur rasmi kerajaan tetapi sistem ini telah berjalan dengan licin walaupun terdapat bantahan dari parti-parti politik yang baru muncul iaitu *Brunei Democratic National Party* (BNDP) yang ditubuhkan pada 1985.¹⁶ tetapi gerakan ini berjaya dihalang berdasarkan undang-undang 1956.

¹⁶ Berita Harian, 4 Julai 1985.

Walaupun pemasatan kuasa terletak ditangan Sultan tetapi bukannya kepada pentadbiran. Pembentukan sistem berkementerian merupakan satu langkah ke arah pembahagian kuasa supaya pembangunan dapat dilaksanakan dengan berkesan untuk memenuhi keperluan rakyat bagi mengurangkan bebanan sebaik mungkin.

Kemangkatan Paduka Seri Begawan Sultan pada 7 September 1986 tidak memperlihatkan sebarang perubahan dalam sistem pemerintahan baginda. Sultan Hassanal Bolkiah terus menyambung sistem monarki yang telah dimunculkan semula oleh ayahanda baginda. Dalam titah ucapan baginda pada 20 Oktober 1986 telah menjelaskan sistem politik dan pentadbiran Brunei tidak berubah. Baginda telah memperlihatkan yang baginda tidak berminat ke atas parti politik sampai bila-bila. Semasa Brunei mencapai kemerdekaan pada Januari 1984, baginda telah menjelaskan '*the party system led to chaos. It doesn't work out in Brunei.*'¹⁷ Sejurus selepas kemangkatan ayahanda baginda, kabinet baru ini telah diumumkan.¹⁸ Rombakan ini membawa kepada perubahan yang besar dalam pentadbiran Brunei. Menurut, Lord Chalfont;¹⁹

...he announced a major change not in the Government's policies but the structure of the administration. The small cabinet was to be enlarged to include eleven ministries covering Defense, Foreign Affairs, Finance, Home Affairs, Communications, Laws, Education, Religious Affairs, Development, Culture, Youth and Sport and Health in addition to the Prime Minister's Office.

Pertambahan ini juga melambangkan berlakunya perubahan-perubahan pesat dalam perkembangan pembangunan Brunei untuk mengisi keperluan rakyat. Sultan

¹⁷ Asia Week, 11 Mac 1988, hal. 19.

¹⁸ Borneo Bulletin, 25 Oktober 1986.

¹⁹ Lord Chalfoot, By God's Will, hal. 14.

memegang jawatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan dan Pengiran Muda Jefri Bolkiah menjadi Menteri Kewangan. Menteri-menteri kabinet dilantik berdasarkan kepada budi bicara sultan. Perlantikan Pengiran Muda Jefri menjadi Menteri Kewangan menunjukkan kerabat diraja masih mengisi jawatan-jawatan penting dalam kerajaan.

Pembubaran ini melibatkan pembentukan dua buah kementerian baru. Jumlah kabinet bertambah menjadi 12 orang dan 8 orang timbalan menteri telah dilantik yang dipilih dari setiausaha-setiausaha tetap dan pengarah-pengarah di jabatan kerajaan. Lantikan yang paling penting kemunculan pehin Isa sebagai penasihat khas kepada sultan Brunei dalam Jabatan Perdana Menteri dengan kedudukannya bertaraf menteri bertanggungjawab kepada Hal Ehwal Dalam Negeri.

Walaupun jawatan-jawatan penting masih di bawah kuasa kerabat-kerabat diraja tetapi kabinet yang baru merupakan sebuah kabinet ‘teknokrat’ muda yang hampir keseluruhannya mempunyai kelulusan barat kecuali Menteri Hal Ehwal Ugama. Dengan penyertaan ini dapat membawa perubahan dan perkembangan yang lebih dinamik.

JADUAL VIII

Menteri -Menteri Kabinet Kedua 1986

KEMENTERIAN	MENTERI	TIMBALAN MENTERI
Perdana Menteri	Sultan Hassanal Bolkiah	
Pertahanan	Sultan Hassanal Bolkiah	Major Jeneral Pengiran Haji Ibnu.
Hal Ehwal Luar Negeri	Pengiran Muda Mohamad Bolkiah	Dato Haji Zakaria Haji Sulaiman
Kewangan	Pengiran Muda Jefri Bolkiah	Dato Haji Ahmad Willy Skinna
Hal Ehwal Dalam Negeri	Dato Haji Isa Haji Ibrahim	Dato Abiddin Abd Rashid
Perhubungan	Dato Haji Abd Aziz Bin Umar	
Undang-Undang	Pengiran Bahrin Pengiran Haji Abas	
Pendidikan	Dato Abd Rahman Haji Mohd Taib	Dato Haji Ahmad Haji Jumat
Hal Ehwal Ugama	Dato Ustaz Haji Mohd Zain Haji Serudin	Dato Haji Yahya Haji Ibrahim
Pembangunan	Pengiran Dato Dr. Haji Ismail Pengiran Haji Damit	Dato Selamat Haji Munap
Kebudayaan, Belia Dan Sukan	Dato Haji Awang Hussin Haji Mohd Yusof	Dato Haji Mohd Ali Mohd Daud
Kesihatan	Dr Haji Johar Haji Nordin	

Sumber: Boeneo Buletin, 25 Oktober 1986.

Berdasarkan kepada pengalaman dan persediaan yang telah dilalui sejak Brunei diberi taraf berkerajaan sendiri dalam negeri melalui Perlembagaan 1959, membolehkan perjalanan pentadbiran sistem berkementerian dan penerapan jabatan-jabatan kerajaan yang baru diperkenalkan tidak menimbulkan sebarang masalah untuk penyesuaianya. Pengalaman ini bukan satu perubahan yang mendadak kerana sebelum ini sistem tersebut telah dipraktikkan selepas pilihanraya bulan Mac 1965 apabila Brunei mula diperkenalkan kepada sistem berkementerian. Pengalaman ini membolehkan rakyat Brunei dapat menerima sistem tersebut tanpa sebarang bantahan.

Dalam menentukan dasar dan politik Brunei, Sultan akan dinasihati oleh majlis-majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Majlis

Melantik Raja dan Majlis Agama Islam. Selain dari itu, baginda juga telah melantik seorang penasihat, Pehin Isa bin Haji Ibrahim yang akan bertanggungjawab menasihat masalah-masalah yang dihadapi oleh kementerian-kementerian.²⁰ Tujuan majlis-majlis ini bukan saja untuk menjadi pengimbang kepada kuasa sultan sebelum sesuatu keputusan dapat dibuat juga untuk melicinkan pentadbiran supaya lebih berkesan mencapai matalamat keperluan-keperluan rakyat dan negara Brunei. Pembentukan majlis-majlis penasihat ini bukanlah sesuatu yang baru tetapi merupakan sebagai satu tradisi dalam sistem pemerintahan Brunei.

6.3 Langkah Mengukuhkan Negara

Dalam pemerintahan monarki kestabilan politik dan kekuahan sesebuah negara bergantung kepada kekuatan sultan dan kebijaksanaannya memerintah. Sultan selaku ketua negara dan kerajaan harus bijak menggunakan kuasanya supaya taat setia rakyat kepada Sultan dapat dikenalkan. Taat setia rakyat kepada Sultan merupakan kunci utama menyokong sistem ini. Kesetiaan rakyat kepada sultan bergantung pula kepada usaha kerajaan untuk memberikan keutamaan dalam meningkatkan kesejahteraan yang sesuai dengan kehendak rakyat.

Dalam konteks Brunei, tradisi taat setia kepada raja masih kukuh. Mereka tidak membahagikan taat setia kepada sultan dan pemerintahannya sebagai ketua negara dan kerajaan. Konsep kedaulatan dan taat menurut perintah masih kekal dan menjadi sebahagian dari budaya rakyat Brunei. Konsep taat setia ini juga digunakan

²⁰ Brunei Darussalam 83-84, Jabatan Percetakan Kerajaan, Brunei, 1984, hal. 20.

oleh PRB untuk mendapatkan sokongan rakyat dalam perjuangan mereka. Ini diakui oleh salah seorang pemimpin PRB, Zaini bin Haji Ahmad. Beliau mengakui;²¹

Mahu mempertahankan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan Brunei dengan segala keturunannya menduduki tahta kerajaan Brunei dengan cara berperlembagaan.

Sebenarnya Sultan Hassanal Bolkiah sendiri cukup bimbang terhadap kekuahan rakyat terhadap kesetiaan dan taat kepada raja dan kerajaan Brunei akibat dari terdedahnya rakyat Brunei kedunia antarabangsa. Baginda tidak dapat mengukur sejauhmana kekuahan ketaat kesetiaan itu. Baginda menginsafi tanpa sokongan dan kerjasama rakyat kedaulatan dan identiti Brunei tidak akan dapat bertahan. Kebimbangan ini dapat dilihat berdasarkan kepada titah ucapan baginda sempena Hari Keputeraan baginda ke-38 tahun untuk menyeru rakyat supaya menyokong dan memberi kerjasama untuk mengukuhkan keamanan dan kesejahteraan. Baginda menjelaskan;²²

...Beta suka cita mengambil kesempatan ini untuk berseru kepada rakyat dan penduduk negeri ini... dengan tidak kendur-kendur.. sentiasa berganding bahu dengan kerajaan beta...

Selepas pengisytiharan kemerdekaan, perjuangan untuk membentuk sebuah negara bangsa yang kukuh dengan ketulinan pemerintahannya belum lagi berakhir. Sultan dan kerajaannya perlu melengkapkan diri untuk mengukuhkan kedudukannya. Brunei mula berhadapan dengan masalah luar negeri untuk mensesuaikan dengan

²¹ Zaini Haji Ahmad, Pertumbuhan Nasionalisma Di Brunei 1939-1962, Kuala Lumpur: ZR Publication, 1989, hal. 54.

dasar pemerintahannya apabila tanggungjawab antarabangsa dan keselamatan sudah menjadi tanggungjawab Brunei. Pada masa yang sama jenerasi baru pula mula terdedah dengan pengaruh-pengaruh luar dengan idea-idea barat yang tidak memahami erti kemerdekaan di bawah pemerintahan beraja. Perkara ini mungkin boleh menjadikan ancaman terhadap kekuahan sistem ini.

Walaupun Sultan Hassanal Bolkiah menaruh kebimbangan terhadap keupayaan Brunei meneruskan *survival* politiknya, dengan wujudnya cabaran menginginkan sebuah pemerintahan yang baru yang dianggap lebih terjamin berdasarkan pilihan rakyat, tetapi baginda cukup yakin untuk terus bersaing mengekalkan identiti dan kedaulatan Brunei dengan meningkatkan popularitinya di kalangan rakyat Brunei dan antarabangsa, supaya rakyat terus menerima baginda sebagai pemimpin negara dan kerajaan yang berwibawa.

Untuk meningkatkan kepopularitian ini dan meletakkan baginda sebagai seorang pemimpin yang peka terhadap keperluan rakyat dan antarabangsa, beberapa penyesuaian terhadap dasar dalam dan luar negeri telah dibuat. Dalam negeri, baginda berikrar akan terus meningkatkan pembangunan untuk memberikan taraf kehidupan yang lebih baik kepada rakyatnya serta menjamin keamanan kesejahteraan dan melindungi kebijakan rakyatnya. Baginda juga akan terus mempastikan sumber-sumber

²² Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke 38, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Brunei, 1985, hal.5.

kekayaan Brunei digunakan untuk memberikan penghidupan yang lebih baik kepada rakyatnya. Menurut baginda;²³

Kami telah menumpukan sumber-sumber kami untuk memberi pelajaran percuma, subsidi makanan dan minyak, serta penceن untuk orang-orang tua dan janda, rawatan perubatan dan kesihatan termasuk perkhidmatan doktor terbang dan mata pencarian tanpa dikenakan cukai pendapatan.

Untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa, baginda telah membuka pintu negara itu untuk mengamalkan dasar berbaik-baik dengan negara jiran dan antarabangsa dengan memasuki pertubuhan-pertubuhan dan kesatuan-kesatuan serantau dan antarabangsa sebagai jaminan keselamatan dan kedaulatan Brunei.

Menurut baginda;²⁴

Kita akan terus mengamalkan dasar berbaik-baik dengan negara jiran dan negara-negara sahabat, baik yang jauh mahu pun yang dekat, serta mempereratkan lagi perhubungan kerjasama dengan negara-negara berkanaan.

Penyesuaian dasar dalam mensesuaikan diri di peringkat serantau dan antarabangsa merupakan sebagai satu aset jaminan untuk Brunei mempertahankan *survival* politiknya.

²³ Titan ucapan penerimaan kemasukan Negera Brunei Darussalam sebagai anggota ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 September 1984. Lihat Pelita Brunei, 26 September 1984.

6.3.1 Kestabilan Politik

Ketidak kestabilan politik hasrat untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat tidak akan tercapai. Ia merupakan sebagai hambatan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Sultan Hassanal Bolkiah selaku ketua kerajaan dan negara menginsafi isu ini. Kemunculan idea-idea baru terhadap konsep kerajaan yang dibawa oleh barat mungkin akan mencabar pemerintahan dan kewibawaan baginda. Baginda terus membuat langkah-langkah dan perancangan yang rapi untuk menghalang sebarang kegiatan untuk mengancam kedudukan baginda dan kerajaannya.

Langkah pertama yang baginda lakukan tidak memberi peluang untuk parti-parti politik bergiat cergas. Sebagai langkah menghalang kegiatan tersebut, baginda melanjutkan undang-undang darurat.²⁵ Walaupun dilihat tujuannya untuk melindungi rakyat dan negara dari kegiatan yang bertentangan dengan aspirasi negara tetapi ia merupakan sebagai satu alat menghalang sebarang kegiatan yang bertentangan dengan dasar kerajaan. Untuk membuktikan undang-undang ini bukan bertujuan menakut-nakutkan rakyat baginda telah membebaskan tiga orang tahanan politik iaitu Awang Majid, Awang Ramli bin Umar dan Pengiran Sabtu.²⁶ Pembebasan ini memberikan makna yang baginda seorang yang jujur dan bukan autokrasi.

²⁴ Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap Sempena Hari Keputeraan Baginda ke 40, Brunei: Jabatan Penyiaran dan Penerangan, 1986, hal.1.

²⁵ Undang-undang darurat telah diisyiharkan pada 12 Disember 1962 bagi membolehkan kerajaan mengharamkan PRB. Undang-undang ini terus berfungsi untuk menjamin keselamatan dan melindungi negara dari anasir-anasir subversif.

Peranan pasukan-pasukan keselamatan iaitu tentera dan polis amat penting dalam mempertahankan kestabilan politik. Pasukan ini boleh menghalang setiap pergerakan dan kegiatan yang cuba mencabar pemerintahan negari yang dianggap sebagai anasir-anasir subversif.²⁷ Untuk meningkatkan kesetiaan pasukan ini kepada baginda dan kerabat-kerabat diraja baginda telah memberikan tugas kuasa memerintah kepada ayahanda baginda Paduka Seri Begawan menjadi Menteri Pertahanan sebelum mengambil alih tugas tersebut pada 1986 apabila ayahanda baginda mangkat. Terdahulu daripada itu, pada awal Januari 1986, baginda juga telah melantik anak tempatan Pehin Dato Haji Mohammad bin Haji Daud menjadi Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di Raja Brunei. Selain dari itu baginda juga meletakkan pasukan polis di bawah kekuasaan baginda apabila baginda dilantik menjadi *Inspector General*. Ini juga merupakan langkah untuk pasukan tersebut terus taat kepada baginda. Pasukan-pasukan ini boleh menggongangkan kedudukan monarki seperti peristiwa-peristiwa yang berlaku di Thailand bagaimana tentera berjaya mengambil alih kuasa pemerintahan. Selain dari pasukan-pasukan keselamatan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampong juga diberi peranan penting untuk mempastikan taat setia rakyat yang berterusan. Mereka diberi tugas untuk mempastikan sebarang kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara dan pemikiran rakyat.²⁸

Dengan memusatkan kuasa dan memilih menteri-menteri kabinet, bukan saja untuk melicinkan pentadbiran dengan jujur supaya hasrat negara lebih berkesan supaya perencangan kemajuan dapat dinikmati oleh keseluruhan rakyat yang paling penting

²⁶ Pelita Brunei, 4 Januari 1984.

²⁷ Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap Sempena Hari Keputeraan Baginda ke 40, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei, 1986, hal.1.

sultan dapat mempastikan mereka benar-benar menyokong sistem ini. Mereka juga diikat untuk terus memberikan taat setia kepada sultan dengan memberi gelaran-gelaran tradisional.

Selain dari perkara yang disebutkan di atas, soal kerakyataan juga penting untuk mengawal kestabilan politik di sesabuah negara. Kebanyakan dinegara-negara yang sudah merdeka isu kerakyataan menjadi perkara penting yang perlu diselesaikan sehingga isu begini boleh menimbulkan konflik dalaman akibat perkauman kerana itu, kerajaan Brunei terus berhati-hati terhadap isu ini. Kerajaan tidak akan sewenang-wenang dan tidak mahu bertolak ansur dengan syarat-syarat yang telah diperuntukkan dalam undang-undang kerakyataan Brunei iaitu perlu menghadapi ujuan bahasa Melayu dan memahami nilai-nilai tradisi dan adat istiadat Melayu.²⁹ Jika kerakyataan diberi sewenang-wenang tanpa memahami nilai-nilai tersebut mungkin sukar untuk mereka menyesuaikan diri dan menunjukkan taat kepada sultan dan negara disebabkan oleh orientasi yang berbeza. Ini mingkin akan mengencam kestabilan politik apabila jumlah mereka terlalu ramai. Berdasarkan kepada undang-undang kerakyataan yang ada sekarang, hanya bangsa Melayu yang terdiri dari tujuh puak iaitu Melayu Brunei, Belait, Bisaya, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong diberikan taraf sebagai rakyat sultan dan yang lainya bukan warga negara. Memperketatkan sistem memberi kerakyataan merupakan sebagai langkah kesetabilan politik dan dikhuatiri hak orang-orang Melayu akan terancam. Pertambahan penduduk di kalangan penduduk bukan rakyat semakin bertambah. Jika dilihat kepada lapuran banci penduduk yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi pada 1985,

²⁸ Ibid., hal. 52.

menunjukkan dari jumlah penduduk Brunei sebanyak 215,943 orang 138,783 daripadanya puak Melayu, 43,708 orang Cina, 17,947 berbagai bangsa dan lain-lain bangsa berjumlah 15,478 orang.

Jika dilihat kepada jumlah tersebut menunjukkan Cina merupakan penduduk minoriti terbesar di Brunei. Jika jumlah ini terus meningkat boleh mengancam kestabilan politik. Kerana itu baginda terus memperketatkan sistem memberi kerakyatan kepada bukan warga negara untuk memohon kerakyatan. Ini merupakan satu langkah ke arah mengukuhkan ketahanan sistem monarki.

Dalam meningkatkan populariti, baginda telah melancarkan program mengadakan lawatan ke mukim-mukim dan kampong-kampong untuk melihat secara dekat dengan tujuan untuk mendengar dari rakyat sendiri mengenai kemusikan-kemusikan dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh rakyat di kampong-kampong. Dalam titah baginda semasa mengadakan kunjungan ke Mukim Saba pada 14 September 1981, baginda menjelaskan;³⁰

Beta berharap dalam lawatan beta ke kampong-kampong yang mana insya-Allah akan Beta teruskan mulai dari sekarang bahawa rakyat dan penduduk tidak segan-segan untuk menyatakan serta menerangkan apa juga kemusikan dan kesulitan yang mereka hadapi supaya Beta akan dapat menyuruh (mengarahkan) pegawai-pegawai Beta yang berkenaan untuk menyiasat dan insya-Allah berikhtiar untuk memperbaiki keadaan yang boleh diperbaiki menurut dasar kerajaan Beta.

²⁹ Setiap pemohon hendaklah tinggal di negeri ini selama 25 tahun dari 30 tahun dan mesti fasih berbahasa Melayu dan memahami adat istiadat melayu.

³⁰ Bersama Rakyat, Bahagian Penerangan, Jabatan Setiausaha Kerajaan, Brunei, 1983, hal. 5.

Langkah ini menunjukkan baginda peka terhadap keperluan rakyat. Sikap ini bukan saja menggambarkan kejujuran baginda untuk terus mengubah dan meningkatkan taraf hidup rakyat juga meningkatkan sokongan kepada pemerintahan baginda.

6.3.2 Pembangunan

Mengutamakan pembangunan dan pemodenan untuk kemajuan dalam negeri merupakan sebagai langkah ke arah meningkatkan taraf hidup rakyat. Tanggungjawab kerajaan untuk terus memelihara kesejahteraan, keamanan serta meningkatkan taraf hidup rakyat merupakan sebagai satu tanggungjawab yang mesti ditunaikan kerana dengan memelihara kepentingan rakyat boleh dijadikan satu alat atau jaminan untuk memelihara dan mengukuhkan kemerdekaan dan sistem monarki. Menyedari terhadap perlunya memberikan perkhidmatan sebaik mungkin kepada rakyat, kerajaan Brunei telah melancarkan Rancangan Kemajuan Negara Kelima (1985-1990). Untuk mempastikan yang rakyat Brunei akan terus menerima kesejahteraan sebanyak 500 buah projek disediakan dengan peruntukan \$B 3,700 juta.

Hampir keseluruhan rancangan kemajuan negara ini memfokus kepada kesempurnaan dan kesejahteraan hidup rakyat serta penduduk negara ini disamping mengukuhkan kemajuan ekonomi dan sosial negara melalui penyertaan rakyat dalam kegiatan ekonomi. Rancangan Kemajuan Negara Kelima ini mempunyai empat matalamat iaitu; menggunakan dengan maksima sumber-sumber asli negara, memperuntukkan kewangan untuk sektor-sektor yang produktif, mempercepat

kemajuan sumber tenaga manusia dan terakhir memperbaiki kemudahan-kemudahan untuk kemajuan perindustrian. Dalam mampastikan rancangan ini berjalan seperti yang dirancangkan, sebuah jawatankuasa telah dibentuk yang dikenali sebagai, Jawatankuasa Rancangan Kemajuan Negara yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan, Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman.³¹

Dari jumlah keseluruhan peruntukan 29% untuk perkhidmatan sosial, 20% kegunaan awam, 20% pengangkutan dan perhubungan, 10% perusahaan dan perdagangan, 10% daripadanya untuk bangunan awam, 10% keselamatan dan rampaian 10%.³² (Lihat Jadual III)

JADUAL IX

**Projek Kemajuan Rancangan Kemajuan Negara Kelima (1985-1990)
(\$B JUTA)**

PROJEK KEMAJUAN	PENGAGIHAN	PERATUS
Pengangkutan dan Perhubungan	\$237.7	20%
Perkhidmatan Sosial	\$759.9	29%
Kegunaan Awam	\$522.0	20%
Keselamatan	\$261.0	10%
Perusahaan Dan Perdagangan	\$261.0	10%
Bangunan Awam	\$261.0	10%
Rampaian	\$261.0	10%

Sumber: Rancangan Kemajuan Negara Kelima 1986-1990, Brunei: Unit Perancang Ekonomi, 1986

Kemajuan bagi pengangkutan dan perhubungan, menumpukan kepada pembinaan jalan-jalan raya, pelabuhan, telekom dan penerbangan awam. Perkhidmatan sosial tumpuan dibuat untuk projek perubatan dan kesihatan, perumahan kerajaan, perancang bandar dan desa, pembinaan masjid-masjid, radio dan televisyen dan pendidikan. Kegunaan awam akan menumpukan kepada letrik, kebersihan,

³¹ Rancangan Kemajuan Negara Kelima 1986-1990, Unit Perancang Ekonomi, Brunei, 1986.

perbaikan air dan kemudahan-kemudahan awam. Keselamatan, untuk tambahan bangunan semantara Perusahaan dan perdagangan mengambil kira kepada perkembangan pertanian, perikanan, kehutanan, perusahaan dan perdagangan. Bangunan-bangunan awam, untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bangunan kerajaan.

Bagi menyediakan kemudahan perkembangan sektor yang bukan minyak sebuah bank pembangunan telah ditubuhkan untuk membekalkan kewangan yang diperlukan bagi perusahaan, perniagaan dan perdagangan.³³ Bagi memenuhi keperluan tenaga manusia latihan-latihan kebangsaan telah diadakan. Keutamaan kepada sektor-sektor yang lebih produktif bertujuan untuk mempercepatkan kemajuan perusahaan negara.

Rancangan Kemajuan Negara Kelima tidak hanya mengarah kepada kemajuan ekonomi negara tetapi mengutamakan kepada kebijakan sosial dan kesejahteraan rakyat terutama keperluan perumahan. Proses pembangunan yang pesat dan bilangan penduduk yang semakin bertambah keperluan perumahan juga semakin meningkat. Untuk meningkatkan keperluan sosial, kerajaan telah membuat beberapa perancangan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Kerajaan juga berhasrat untuk menyediakan tempat tinggal bagi rakyat yang tidak mempunyai tanah dan rumah untuk kesempurnaan rakyat melalui skim perumahan dan tanah. Menerusi skim ini, taraf hidup rakyat dapat ditingkatkan.

³² Ibid.

Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan lain juga disediakan seperti masjid, taman kanak-kanak, padang permainan, klinik, sekolah, pasarraya dan juga pejabat pos. Kedua skim ini telah dibahagi-bahagikan kepada beberapa kategori rumah untuk memudahkan rakyat memilih mengikut kemampuan masing-masing. Memandangkan kepada bayaran balik dianggap membebankan rakyat yang berpendapatan rendah, tempoh pembayaran telah dipanjangkan sehingga 20 tahun.³⁴

Pada keseluruhannya, Rancangan Kemajuan Negara Kelima bertujuan untuk menggalakkan rakyat menyertai dan melibatkan diri dalam perkembangan ekonomi negara yang selama ini hanya bergantung kepada minyak dan gas yang dimonopoli oleh kerajaan dan swasta. Galakan penyertaan rakyat menyertai dan menguasai bidang perdagangan dan perniagaan merupakan satu persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan dari tidakan penduduk Cina dan India yang menjadi penduduk tetap mahu meninggalkan negara ini untuk berhijrah ke negara jiran atau negara Asia Tenggara lainnya. Kebanyakan mereka ini menguasai bidang perdagangan dan pernaigaan serta kedai-kedai kecil. Tindakan ini mungkin akan memberi kesan negetif ke atas perkembangan ekonomi Brunei.

6.3.3 Pendidikan

Kekuahan sesabuah negara bukan hanya diukur kepada kemajuan dan kekuahan ekonomi atau kekuatan tentera tetapi penduduk yang berkualiti. Menyedari

³³ Ibid.

³⁴ Brunei Darussalam Year Book 1989, Jabatan Percetakan Kerajaan, Brunei, 1990.

akan keadaan ini beberapa perancangan telah dibuat untuk meningkatkan keperluan negara dengan mengadakan dan menyediakan kemudahan pendidikan secara percuma.

Untuk menyesuaikan dengan dasar negara menjadikan Brunei sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja, sistem pendidikan juga mengalami pembaharuan dan perubahan. Satu sistem baru yang dikenali sebagai Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam telah diperkenalkan yang berkonsepkan ‘Konsep Dwibahasa’. Tujuannya untuk menseragamkan media pengantarnya menggunakan bahasa Inggeris dan Melayu.

Menerusi sistem yang berkonsepkan ‘Dwibahasa’ salurun pendidikan dapat dijalankan melalui satu sistem sahaja. Langkah ini dianggap boleh menyatukan rakyat dan penduduk Brunei kepada aspirasi negara sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB). Dengan berasaskan kepada konsep Melayu Islam Beraja, sebuah masyarakat yang bersatu dapat dicapai. Menerusi konsep ini juga orientasi pendidikan untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran beridentitikan Melayu Brunei akan dapat dicapai. Dengan ini keamanan, keselamatan dan kekuuhan negara boleh dipertahankan.³⁵

Akibat proses pembangunan dan pemodenkan yang sedang dilaksanakan, perkembangan pendidikan di Brunei juga turut mengalami perubahan. Keperluan tenaga profesional untuk melaksanakan pembangunan tersebut sangat kurang. Dari jumlah 6,200 orang tenaga mahir hanya 2,000 orang sahaja terdiri dari anak

³⁵ Pelita Brunei, 6 Februari 1985.

tempatan.³⁶ Sebelum ini kerajaan Brunei menghantar pelajar-pelajar ke United Kingdom dan negara-negara luar yang lain hanya untuk melahirkan golongan pentadbir bagi tujuan mengantikan pentadbir-pentadbir British dan pegawai-pegawai luar lainnya.

Untuk menampung keperluan tersebut, kerajaan telah meningkatkan mutu sekolah-sekolah vokasional yang sedia ada iaitu Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal dan Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah. Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal menyediakan kursus untuk *City and Guilds* dalam bidang pertukangan kayu, membuat perabut, menyusun batu bata dan pemasangan. Maktab ini juga menawarkan sijil diploma dalam bidang kejuruteraan. Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah telah menawarkan latihan dalam bidang telekomunikasi, elektrik dan jurutera umum. Pada 1986 Institut Teknologi Brunei telah ditubuhkan dengan menawarkan kursus-kursus dalam peringkat diploma di bidang perdagangan, komputer dan jurutera letrik.³⁷

Sebagai langkah untuk mempertingkatkan mutu dan sistem pendidikan di negara Brunei, pada 1985, Universiti Brunei Darussalam telah ditubuhkan dengan menawarkan beberapa kursus-kursus dalam bidang pendidikan, sains sosial, pengurusan, dasar awam dan pentadbiran serta pengajian Islam.³⁸ Dengan tertubuhnya universiti ini bermakna Brunei akan mengeluarkan siswazah-siswazah yang berkelibar dan mempunyai keupayaan yang setaraf dengan siswazah-siswazah yang berkelulusan dari luar negeri.

³⁶ Brunei Darussalam Statistical Year Book 1986, Jabatan Perancang Ekonomi, Brunei, 1987.

³⁷ Pelita Brunei, 1 Januari 1986.

³⁸ Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sei Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah di majlis pertandingan membaca kitān suci al-Quran pada 23 April 1985. Lihat Pelita Brunei, 30 April 1985.

Perkembangan pesat pendidikan dan terdedahnya penuntut-penuntut kepada pengaruh luar terutama di kalangan penuntut-penuntut di sebarang laut seperti United Kingdom terus mendapat perhatian kerajaan. Mereka dikhuatiri akan membawa fahaman-fahaman dan idea-idea barat yang akhirnya akan menjadi satu ancaman kepada sultan dan kerajaannya. Bagi mengelakkan sebarang kemungkinan berlaku, kerajaan Brunei terus memberikan perhatian terhadap kesejahteraan dan masa depan yang lebih baik kepada penuntut-penutut tersebut. Sejurus selepas kemerdekaan, Sultan Hassanal Bolkiah telah mengumunkan menaikkan kadar elauan penuntut-penuntut diseberang laut dengan harapan supaya penuntut-penuntut tersebut menumpukan perhatian kepada tanggungjawab masing-masing untuk rakyat dan negara Brunei sendiri. Baginda juga telah memberi jaminan mereka ini akan diberi jawatan dalam perkhidmatan awam kerajaan.³⁹

Skim pemberian dermasiswa dan latihan dalam perkhidmatan kepada pelajar-pelajar dan pegawai-pegawai kerajaan keluar negeri terus diberikan tanpa sebarang perubahan. Rancangan memberikan pendidikan, makan dan minum serta buku-buku teks secara percuma di peringkat rendah hingga ke universiti merupakan satu cara bagi sultan meningkatkan populariti baginda ke atas rakyat Brunei menyebabkan tidak ada sebarang isu untuk dibangkitkan.

³⁹ Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan

6.4.4 Falsafah Melayu Islam Beraja

Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) yang telah ditegaskan Sultan Hassanal Bolkiah dalam permasyhoran kemerdekaan pada 1 Januari 1984, adalah satu rumusan cara hidup berbangsa, bernegara dan beragama dalam mencapai matlamat mengekalkan identiti dan ketahanan di bawah pemerintahan Melayu yang berpandukan kepada agama Islam. Tujuannya untuk mewujudkan kefahaman terhadap hidup bernegara, bermasyarakat di dalam sebuah pemerintahan beraja. Melayu memberi takrif sebagai negara Melayu, sistem pemerintahan Melayu yang dipimpin oleh sultan sebagai ketua negara dan kerajaan dan berbudaya Melayu yang luhur. Islam, sebagai agama rasmi negara yang dijadikan panduan kehidupan kerana agama Islam mengandungi nilai-nilai hidup yang lengkap. Raja diletakkan sebagai Ulil-Amri yang memerintah menurut hukum-hukum Islam dan rakyat mastilah taat kepada raja. Beraja, merujuk kepada sistem pemerintahan atau kerajaan yang mesti ditaati.⁴⁰

Berdasarkan kepada falsafah ini, ia boleh dijadikan alat untuk mewujudkan perpaduan nasional, kestabilan politik, kemajuan ekonomi dan nilai-nila sosial yang berunsurkan Melayu yang beridentitikan Brunei. Ia juga boleh mengawal ke atas cara berfikir, bertindak ke atas sultan dan kerajaannya. Ketaatan dan kasih kepada raja merupakan identiti Brunei yang berakar umbi di kalangan rakyat dan penduduk Brunei

Negara Brunei Darussalam semasa jamuan yang diadakan oleh penuntut-penuntut Brunei di United kingdom, Sempena Hari Keputeraan Baginda ke 38 tahun, 15 Ogos 1984, hal. 45.

⁴⁰ Haji Abdul Aziz Umar, Melayu Islam Beraja, Brunei: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, 1992, hal. 26.

kerana antara raja dan rakyat terdapat hubungan dua hala yang berasaskan kepada; ‘raja wajib adil dan rakyat wajib taat’.

Menenamkan ketiaat setiaan kepada raja dikalangan rakyat dan penduduk Brunei melalui falsafah MIB, menampakkan satu kejayaan untuk baginda meneruskan sistem pemerintahan beraja tanpa sebarang tentangan. Penyebaran falsafah ini terus diperluaskan dikalangan jenerasi baru melalui sistem pendidikan dari peringkat rendah hingga ke universiti. Di peringkat universiti telah dijadikan mata pelajaran wajib kepada semua penuntut. Ini merupakan satu langkah yang berkesan untuk mengwujudkan kestabilan politik, ekonomi dan juga sosial.

6.4 Dasar Luar Brunei

Sebelum 1979, dasar luar Brunei ditentukan oleh British berdasarkan kepada perjanjian 1888, 1906 dan 1959. Apabila Perjanjian 1979 dan pertukaran nota ditandatangani untuk memberi kemerdekaan kepada Brunei pada 1984, Brunei mula membuat persediaan untuk menentukan dasar luarnya sendiri sama ada mahu mengamalkan pengasingan diri atau meneruskan pergantungannya dengan British yang menjamin *status quo* Brunei dengan adanya perjanjian tentera dan bantuan nasihat politik.

Setelah mencapai kemerdekaan, Brunei mula mengubah dasar luarnya. Sultan Brunei menyedari adalah tidak wajar bagi Brunei terus mengasingkan diri dengan negara luar terutamanya negara jirannya ASEAN. Sikap mengasingkan diri dan

bergantung terus kepada British bukan saja melanggar akta kemerdekaan dan statusnya sebagai sebuah negara yang merdeka apa yang paling penting keselamatan dan kedaulatannya sebagai sebuah monarki mungkin akan terancam. Untuk terus mengekalkan dan mengukuhkan sistem ini, sikap berbaik-baik dan bekerjasama dengan negara-negara luar terutama negara jirannya ASEAN perlu dikukuhkan. Berdaskan kepada beberapa pertimbangan ini memilih menyertai ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Komanwel dan Pertubuhan Negara-Negara Islam selepas mencapai kemerdekaan.

Menerusi sikap terbuka dengan negara-negara luar dan memasuki pertubuhan-pertubuhan antarabangsa merupakan satu jaminan keselamatan dan kekuahan sistem monarki kerana penyertaan dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan antarabangsa. Sokongan begini amat diperlukan oleh Brunei kerana sebelum ini sistem yang diamalkan mendapat kritikan antarabangsa. Berdaskan kepada pertimbangan inilah telah mempengaruhi dasar luar Brunei untuk mengamalkan dasar berbaik-baik dengan negara-negara jiran dan sahabat dalam mempereratkan perhubungan dan kerjasama. Akhirnya pada 7 Januari 1984, Brunei telah menyertai ASEAN,⁴¹ pada 15 Januari 1984, menjadi ahli Pertubuhan Negara-Negara Islam.⁴² Kemudiannya menjadi ahli Komanwel dan seterusnya menjadi ahli ke 159, Pertubuhan bangsa-Bangsa Bersatu pada 21 September 1984.⁴³

⁴¹ Pelita Brunei, 11 Januari 1984.

6.4.1 Brunei dan ASEAN

Pilihan utama Brunei memasuki ASEAN dipengaruhi oleh empat faktor yang penting. Pertama, kedudukan geografinya; kedua, latar belakang sejarah dan kebudayaan; ketiga, faktor ekonomi dan keempat faktor politik.

Berdasarkan kepada kedudukan geografinya, Brunei sebahagian dari Asia Tenggara. Brunei melihat, setiap perkembangan yang berlaku di rantau ini akan mempengaruhi Brunei. Kepentingan ini telah dijelaskan oleh Menteri Luar Brunei, Pengiran Muda Mohamad Bolkiah;⁴⁴

The first and most obvious of these is the geographical one. We see ourselves as physically part of ASEAN. Any threat to ASEAN is a threat to Brunei. We cannot divorce ourselves from developments in the region. The every day life of our people is inextricably tied to the regional environment.

Dalam faktor sejarah dan kebudayaan, Brunei melihat terdapatnya persamaan dengan negara-negara ASEAN iaitu pernah dibawah pengaruh penjajahan serta ikatan kebudayaan, bahasa, adat istiadat dan agama. Berdasarkan kepada faktor ini, Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, telah menjelaskan;⁴⁵

The histories of the member states overlap considerably... Most ASEAN nations have at one time or another, been under the domination of foreign powers.... The Cultures of the six nations also overlap in a large measure.

⁴² Pelita Brunei, 18 Januari 1984.

⁴³ Pelita Brunei, 22 Februari 1984.

⁴⁴ New Straits Times, 7 Januari 1984.

⁴⁵ Ibid.

Faktor ekonomi tidak banyak mendorong Brunei untuk menyertai ASEAN kerana Brunei tidak mempunyai banyak faedah. Pencapaian kerjasama ekonomi ASEAN juga tidak begitu menggalakkan. Struktur perdagangan yang berbeza juga tidak banyak menguntungkan Brunei kerana ekonomi Brunei bergantung kepada minyak dan gas sementara negara-negara ASEAN yang lain bergantung kepada pertanian. Jumlah perdagangan dengan negara-negara ASEAN sedikit. Pada 1977 jumlah eksport Brunei ke Singapura cuma 4%, Malaysia dan Thailand 1% jika dibandingkan dengan Jepun sebanyak 76%. Jumlah import juga terlalu kecil. Singapura 17%, Malaysia 5%, Thailand 2% berbanding dengan Jepun dan Amerika Syarikat 21%.⁴⁶

Pilihan utama Brunei memasuki ASEAN ialah faktor politik dan keselamatan. Brunei terdedah kepada pergolakan persaingan kuasa besar terutama pencerobohan Vietnam ke atas Indochina. Brunei tidak mampu untuk mempertahankan pencerobohan kerana kemampuan ketenteraan disebabkan oleh jumlah penduduk yang sedikit. Ini memerlukan Brunei bergantung kepada ASEAN. Memasuki ASEAN Brunei akan memperolehi manfaat kerana "*Treaty of Amity and Co-operation Southeast Asia 1976*" Brunei akan memperolehi bantuan ketenteraan jika Brunei dicerobohi. Matalamat penubuhan ASEAN yang bukan bersifat ketenteraan juga memberi keyakinan untuk Brunei menyertai pertubuhan tersebut. Konsep "*Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN)*" yang mahu membentuk kestabilan keharmonian dan kesejahteraan serantau selari dengan aspirasi Brunei yang inginkan perdamaian dan bukan persengketaan. Berdasarkan konsep ini akan menjamin

⁴⁶ Statistics of External Trade, 1977, Unit Perancang Ekonomi, Brunei, 1978

“survival” politik Brunei. Perkara ini pernah disuarakan oleh Sultan Hassanal Bolkiah dalam titah ucapan baginda diperhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu sempena keanggotaan Brunei ke dalam PBB pada 21 September 1984.⁴⁷

....usaha mereka untuk mengukuhkan keamanan, kemajuan dan harapan serantau adalah selaras dengan harapan dan aspirasi kami sendiri...

Penyertaan Brunei ke dalam ASEAN, bukan saja dilihat untuk menjamin keselamatan dan keamanan tetapi yang lebih penting pengesahan Brunei sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. ASEAN juga telah dijadikan model untuk Brunei meneruskan usaha memasuki pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang lain.⁴⁸ Selain itu konflik persengketaan antara Brunei dengan Malaysia dan Indonesia dapat diselesaikan.

ASEAN juga mempunyai kepentingan dengan Brunei untuk mengukuhkan kepentingan geo-politik ASEAN. Brunei mempunyai kedudukan yang strategik dengan kekayaan hasil buminya yang mungkin menarik minat di kalangan negara luar. Selain daripada itu, kemasukan Brunei juga akan membantu menambah kekuatan ASEAN sebagai sebuah organisasi yang berpengaruh. Di bidang ekonomi, sumber Brunei boleh dijadikan aset ekonomi untuk membantu jika berlaku krisis tenaga serta meningkatkan perkembangan “*ASEAN Council on Petroleum* (ASCOPE)”. Jadinya kemasukan Brunei ke dalam ASEAN sangat-sangat dialu-alukan. Menteri Luar Indonesia Profesor Mochtar Kusumaatmadja mengalu-alukan kemasukan Brunei dan

⁴⁷ Titah ucapan penerimaan kemasukan Negara Brunei Darussalam sebagai anggota ke 159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Berstu Sultan Hassanal Bolkiah Kemasukan Negara Brunei Darussalam Ke Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 September 1984. *Pelita Brunei*, 26 September 1984.

mengatakan “*inject a new dynamism in our quest for progress, peace and stability in the region and the rest of the world*”.⁴⁹ Timbalan Perdana Menteri II, Singapura, S.Rajaratnam juga telah mengalu-alukan kemasukan Brunei dan mengatakan, “*For Asean a small gap that existed in the regional grouping is now filled. Brunei's admission will have a positive contribution to the growing status and influence of Asean internationally*”.⁵⁰

6.4.2 Brunei Memasuki ASEAN

Minat untuk Brunei untuk menyertai ASEAN sudah terbayang sewaktu perwakilan Brunei menghadiri sebagai permerhati di Persidangan Menteri-Menteri Luar ASEAN keempatbelas pada Jun 1981.⁵¹ Perwakilan Brunei yang diketuai oleh Pengiran Muda Muhammed Bolkiah mengatakan; “*we look forward to further expansion of our contacts and trust. This will lead to the creation of a closer and more fruitful relationship with Asean in the future*”.⁵² Minat untuk menyertai ASEAN mula jelas apabila Pengiran Muda Muhammed Bolkiah menyatakan hasrat Brunei mengagggotai ASEAN selepas merdeka dalam Mesyuarat Peringkat Menteri-Menteri Luar ASEAN ke-16 di Bangkok pada 1983.⁵³ Kemudianya disusuli oleh Sultan Hassanal Bolkiah dalam satu titah ucapan baginda sempena menyambut Hari Keputeraan baginda ke-37 tahun, hasrat Brunei untuk menyertai ASEAN.⁵⁴

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ New Straits Times, 7 Januari 1984.

⁵⁰ Ibid.

⁵¹ New Straits Times, 2 Jun 1981.

⁵² Ibid., 15 Jun 1982.

⁵³ Berita Harian, 25 Jun 1983.

⁵⁴ New Straits Times, 16 Ogos 1983.

Rancangan Brunei menyertai ASEAN mendapat sambutan baik di kalangan pemimpin-pemimpin ASEAN. Presiden Suharto dan Dato Hussein Onn semasa mengadakan rundingan di Pulau Labuan pada Mei 1978, telah mengalu-alukan kemasukan Brunei.⁵⁵ Presiden Suharto juga mengharapkan jasa baik Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew untuk menyampaikan kesediaan ASEAN menerima Brunei menjadi ahli. Hasrat ini telah disampaikan oleh Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew kepada sultan Brunei semasa beliau mengadakan lawatan ke Brunei.⁵⁶ Timbalan Perdana Menteri Thailand, Arun Phanupong juga turut mengalu-alukan penyertaan Brunei semasa beliau melawat Brunei. Beliau menjelaskan;⁵⁷

As far as Thailand is concerned we will be happy if Brunei joint Asean and takes part in its activities until it becomes independence at the end of 1983.

Kerajaan Filipina juga tidak ketinggalan mengalu-alukan penyertaan Brunei ke dalam ASEAN. Kerajaan Filipina sendiri telah menjadi penaja utama kemasukan Brunei di dalam ASEAN.⁵⁸ Akhirnya dalam mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN pada 7 Januari 1984, Brunei telah diterima menjadi ahli ASEAN secara rasmi.

6.5 Cabaran-Cabaran

Persediaan rapi yang dilakukan oleh Sultan Hassanal Bolkiah dalam program pembangunan dan pemodenan serta dasar luar adalah satu kejayaan baginda

⁵⁵ Far Eastern Economic Review, 2 Jun 1978., hal.12.

⁵⁶ Borneo Bulletin, 14 Ogos 1982.

⁵⁷ New Straits Times, 19 Mac 1981.

mempertahankan dan memperkuatkan sistem pemerintahan monarki di Brunei. Kewibawaan dan kebijaksanaan baginda memimpin kerajaan dan rakyat melaksanakan tanggungjawab terhadap keadilan sosial, ekonomi dan juga politik sistem ini telah dapat diterima negara dan masyarakat serantau dan antarabangsa.

Untuk menguji ketahanan dan kekuahan serta kewibawaan baginda selaku ketua kerajaan dan negara satu perubahan telah dibuat dengan memberi kelongaran kepada aktiviti-aktiviti politik secara terhad. Kelonggaran ini menunjukkan kesediaan baginda untuk menghadapi cabaran dan saingan setelah meletakkan Brunei menjadi negara kebajikan. Kesediaan ini juga mahu membuktikan sistem berparti tidak dapat diterima oleh rakyat.

Pada Mei 1985, sebuah parti politik yang menggelarkan pertubuhan tersebut sebagai Brunei Demokratic National Party (BNDP) telah ditubuhkan.⁵⁹ Parti ini dipimpin oleh Haji Abdul Latif Hamid seorang ahli perniagaan. BNDP adalah parti pertama dibentuk selepas kemerdekaan. Matlamat perjuangan parti menuntut supaya pemerintahan demokrasi diwujudkan. Setiausaha Agung BNDP, Haji Abdul Latif Chuchu mendakwa keramaian ahli telah berjumlah seramai 1,800 orang.

Parti ini memperjuangkan lima asas penting; pertama, berusaha untuk mengwujudkan keadaan yang seimbang disemua peringkat masyarakat, meningkat dan mempertahankan kemerdekaan Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam, Melayu dan Demokratik; kedua, menghormati kebebasan berfikir, bercakap, menulis,

⁵⁸ Berita Harian, 7 Januari 1984.

bersidang dan berkumpul bagi kemakmuran dan keamanan bagi semua lapisan rakyat dan negara; ketiga, berusaha bagi mewujudkan kerja sama dengan golongan-golongan lain dalam mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam; keempat, memperdalamkan rasa cinta rakyat dan taat setia rakyatnya serta bersedia berbakti dengan rasa tanggungjawab terhadap raja bangsa dan negara Brunei Darussalam; kelima, menentang segala bentuk campurtangan asing atau kuasa-kuasa luar yang bertentangan dengan ideologi negara terhadap hal ehwal dalam negeri Negara Brunei Darussalam.⁶⁰

Sungguh pun pada dasarnya BNDP menyokong dasar kerajaan, mungkin atas kepentingan pendaftarannya tetapi pada hakikatnya cuba menentang dasar-dasar kerajaan. Dalam satu sidang akhbar di Kota Kinabalu, Haji Abd. Latif Chuchu, Setiausaha Agung BNDP telah mendesak kerajaan Brunei supaya mengadakan pilihanraya supaya sejajar dengan demokrasi. Beliau juga mengkritik kerajaan dengan mendakwa pegawai-pegawai dan para pemimpin sekarang dilantik tidak demokratik kerana rakyat tidak diberi peluang memilih dan menentukan pemimpin mereka. Beliau juga menuntut supaya kerajaan menarik balik penggantungan pilihan raya yang diperuntukkan oleh Perlembagaan 1959 dan menghapuskan undang-undang darurat.⁶¹

Haji Latif Chuchu juga mahu menghantar memorandum kepada Sultan Hassanal Bolkiah supaya meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri kerana kedudukannya sebagai sultan tidak boleh dicampur adukkan dengan pentadbiran negeri. Ini menunjukkan sultan mahu diletakkan sebagai raja berperlembagaan yang

⁵⁹ New Straits Times, 29 Jun 1985.

pernah diperjuangkan oleh PRB pada 1959. Menurut beliau lagi, jawatan Perdana Menteri mestilah dipilih dari rakyat biasa menerusi demokrasi. Untuk mendapatkan publisiti, beliau telah mendakwa BNDP sudah mempunyai 15 cawangan dan jumlah ahli berdaftar 3,200 orang.⁶² Tetapi jumlah sebenar cuma 200 orang. Ini menunjukkan BNDP lebih kepada publisiti dari perjuangan sebenar.⁶³

Berdasarkan kepada beberapa matlamat BNDP menunjukkan mahu memperjuangkan sesuatu yang mustahil. Jika BNDP mahu mengwujudkan demokrasi, parti ini perlu bersaing dengan parti-parti politik lain, jika Brunei mempunyai hanya satu parti demokrasi juga tidak dapat diwujudkan di Brunei. Bagaimana pula dengan kesedaran politik dikalangan rakyat Brunei juga perlu dipertimbangkan apakah penyertaan mereka dalam sesabuah parti politik sebagai satu keperluan untuk membela untuk nasib mereka.

BNDP perlu juga mengambil kira terhadap sikap konservatif dan taat setia rakyat kepada sultan dan prihatin sultan kepada rakyat yang menyediakan semua keperluan dan pembentukan negara berkonsepkan negara kebajikan. Rakyat berfikir apalagi yang hendak diperjuangkan. Jika persaingan parti-parti politik berlaku untuk mengwujudkan demokrasi setentunya orang-orang Cina juga mahu memperjuangkan hak mereka. Ini mungkin akan menimbulkan berbagai isu tidak sihat. Rakyat juga akan hidup berpuak-puak sehingga mengancam keselamatan dan kestabilan negara.

⁶⁰ Perlembagaan dan Anggaran dasar Partai Nasional Demokratik Brunei, dalam Fasal IV.

⁶¹ Utusan Malaysia, 9 Julai 1986.

⁶² Berita Harian, 9 Julai 1986.

⁶³ Berita Harian, 14 November 1985.

Sebenarnya kerajaan Brunei tidak mengizinkan pembentukan demokrasi walaupun BNDP didaftarkan atas kebenaran kerajaan. Sebaliknya kerajaan telah melarang pegawai-pegawai kerajaan termasuk yang beruniform memasuki sebarang kegiatan parti politik. Ini berdasarkan undang-undang kerajaan pada 1956.⁶⁴

Selepas beberapa bulan penubuhan BNDP, perpecahan mula timbul dikalangan pemimpin parti. Pada Oktober 1985, Timbalan Pengurus BNDP, Awang Mohamad Hatta Haji Zainal Abiddin telah menuduh ketua parti berlagak seperti diktator.⁶⁵ Akhirnya parti tersebut berpecah dan menubuhkan parti baru yang dikenali sebagai Parti Perpaduan Kebangsaan Brunei (PPKB) pada Februari 1986.⁶⁶

Parti BNUP mempunyai dasar pro kerajaan. BNUP mempunyai empat objektif; pertama, berusaha pada menyokong dara kerajan pimpinan Sultan Brunei di samping mempertahankan kemerdekaan dan keharmonian Negara Brunei Darussalam yang berdasarkan kepada Konsep Negara Melayu Islam Beraja yang demokratik; kedua, menanam dan memperdalamkan rasa cinta dan taat rakyat dan penduduk negara ini kepada Sultan, keturunan dan penganti-pengantinya sebagai ketua negara; ketiga, mengukuhkan Islam sebagai ugama rasmi negara dan menghormati kebebasan dan hak agama-agama lain; keempat, mempertahankan kedudukan dan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.⁶⁷

⁶⁴ Pelita Brunei, 22 February 1988.

⁶⁵ Borneo Post, 10 November 1985.

⁶⁶ Borneo Bulletin, 28 Jun 1986.

⁶⁷ New Straits Times, 22 Februari 1986.

BNUP mengemukakan isu yang bertentangan dengan BNDP walaupun dasar penubuhan parti mempunyai banyak persamaan. Dalam sesuatu tindakan BNUP lebih kepada pro kerajaan dan menganggap BDNP sebagai parti pembangkang.⁶⁸ Dalam mengemukakan isu, BNUP mahukan Brunei Petroleum diamil alih oleh kerajaan dan sultan mestilah mengurangkan kemiskinan yang masih ada dalam negeri yang kaya dengan hasil minyak.

Pada Januari 1988, pendaftaran BNDP ditarik balik. Kerajaan telah menangkap kedua pemimpin parti tersebut, Haji Abdul Latif Hamid dan Haji Abdul Latif Chuchu atas tuduhan mempunyai hubungan dengan *Pacific Democratic Union*.⁶⁹ Penarikan balik pendaftaran BNDP oleh kerajaan dianggap bertentangan dengan prinsip parti sebenar dan boleh menimbulkan ketidak stabilan sosial dan politik Brunei. Menurut Sultan Brunei;⁷⁰

walau bagaimanapun dalam keadaan negara yang menikmati suasana aman dan tenteram ini, terdapat juga golongan yang cuba menggugat kestabilan sosial dan politik di negara ini dengan memesongkan dan mengelirukan pemikiran rakyat dengan dakyah-dakyah politik mereka....kepada golongan seperti ini beta tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas kepada mereka. Kepada rakyat dan penduduk negara ini, beta ingin mengingatkan supaya jangan terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang memberikan janji-janji manis tetapi kosong dan tidak berasas sama sekali.

Walaupun kerajaan cuba memberikan kelonggaran kepada aktiviti-aktiviti demokrasi, tetapi kedua parti BNDP dan BNUP tidak mendapat sokongan rakyat, walaupun telah membukakan ahlinya kepada bumiputera. Menurut Haji Jumat,

⁶⁸ Berita Harian, 16 Februari 1988.

⁶⁹ Berita Minggu, 14 Februari 1988.

⁷⁰ Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Melalui Radio Brunei Semasa Menyambut Hari Kebangsaan Ke 4, pada 22 Februari 1988.

setiausaha BNUP, kebanyakan rakyat Brunei tidak suka dengan parti-parti politik dan lebih suka kepada sistem pemerintahan yang ada sekarang. Menurut beliau;⁷¹

that the majority of Bruneians were happy with the Sultan's exiting policy and we are not attracted towards party system.

Menggunakan sepenuhnya kekayaan hasil dari pendapatan pengeluaran minyaknya Brunei mampu untuk melakukan segala-galanya untuk kepentingan pembangunan untuk rakyat Brunei. Kekayaan juga telah menjadikan sistem politik kukuh walaupun adanya cabaran-cabaran untuk mengubah sistem politik yang ada sekarang menjadikan Brunei sebagai sebuah negara kebajikan, tidak ada ruang untuk menimbulkan sebarang isu terhadap sistem pemerintahan monarki., menyebabkan rakyat menolak sebarang usaha untuk mengubah sistem pemerintahan monarki.

⁷¹ Economic Intelligence Unit, Country Report, No.3, 1988, hal. 27.